



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 3, Issue 3, June 2018

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msosocialsciences.com

Peranan Jawatankuasa Perhubungan Kaum dalam Merintis Kesepaduan Sosial di Tanah Melayu: Satu Tinjauan Awal bagi Model Masa Depan

Suzy Aziziyana Saili¹, Rosila Bee Mohd Hussain², Khairulnizam Mat Karim¹

¹Kolej Pengurusan Bisnes dan Perakaunan, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

²Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM)

Correspondence: Suzy Aziziyana Saili (suzy@uniten.edu.my)

Abstrak

Kemajmukan masyarakat akibat daripada polisi ekonomi adalah natijah daripada penjajahan kuasa asing. Akibat daripada polisi ekonomi British, Tanah Melayu menerima kemasukan dua etnik lain iaitu Cina dan India untuk berkerja di sektor perlombongan dan perladangan. Disebabkan ini, timbul pelbagai konflik di antara orang Melayu sebagai penduduk asal Tanah Melayu dengan dua etnik ini, sepertimana yang dapat dilihat semasa pendudukan Jepun dan juga penjajahan British. Tujuan kertas kerja ini adalah untuk melihat peranan *Communities Liaison Committee* (CLC) atau Jawatankuasa Perhubungan Kaum di dalam merintis kesepaduan sosial di antara etnik Melayu, Cina dan India di Tanah Melayu di dalam keadaan serba mencabar akibat daripada pendudukan Jepun, penjajahan British, pengaruh komunis dan darurat. Usaha mewujudkan kerjasama antara etnik telah lebih dahulu dimulakan oleh gabungan AMCJA-PUTERA tetapi malangnya tidak mampu bertahan kerana tiada sokongan daripada pemerintah British selain tiada tolak ansur antara orang Melayu dan bukan Melayu kerana perbezaan latar belakang dan tumpuan. CLC yang mendapat sokongan kerajaan British adalah perintis kepada kesepaduan sosial di Tanah Melayu apabila ianya berjaya menggabungkan tiga etnik utama untuk berbincang mengenai tolak ansur etnik atau lebih dikenali sebagai “kontrak sosial” serta mengasaskan perkongsian kuasa yang masih diamalkan sehingga sekarang.

Kata kunci: etnik, kesepaduan sosial, kontrak sosial, perkongsian kuasa, jawatankuasa perhubungan kaum

The Role of Communities Liaison Committee in Pioneering Social Cohesion in Malaysia: An Initial Review for A Future Model

Abstract

A plural society existence due to economic policy is an outcome of foreign colonization. Due to the British economic policy, Malaya saw the influx two foreign ethnic; Chinese and Indian, working in tin mining and rubber estates respectively. Early conflict involving the Malays and these foreign workers is inevitable which is evident during both the Japanese intervention and the British colonization. The objective of this paper is to review the role and responsibilities of Communities Liaison Committee in pioneering social cohesion between the three main ethnics in Malaya during the crucial time of Japanese intervention, British colonization, communist threat and the declaration of emergency. Before CLC, a cooperation was initiated by AMCJA-PUTERA coalition but was short lived due to the absence of support from the British and lack of bargaining between Malays and Non-Malays. CLC received a full patronage of the British as the pioneer of social cohesion in Malaya, especially when it was able to

call upon the three main ethnic in its discussion of bargaining and negotiation or what is widely known as the social contract, as well as practicing political power sharing.

Keywords: ethnic, social cohesion, social contract, power sharing, communities liaison committee

Pengenalan

Penjajahan British telah mewujudkan masyarakat majmuk di Tanah Melayu, yang bermula dengan kemasukan pekerja dari negara India dan China secara besar-besaran. Kemasukan pekerja asing ini adalah untuk menyokong kegiatan ekonomi British yang telah memperkenalkan penanaman getah dan perlombongan bijih timah. Perlombongan bijih timah sebenarnya telah wujud sebelum kedatangan British lagi tetapi British mengeksploitasi dan mendominasi perusahaan ini sehingga menenggelamkan pelombong kecil-kecilan yang rata-ratanya ialah orang Melayu dan golongan bangsawan.

Oleh kerana masyarakat asing, terutamanya orang Cina yang berperanan dalam memajukan ekonomi penjajah British, mereka dilihat mempunyai kelebihan dari sudut sokongan. Dalam masa yang sama, orang Melayu dilihat enggan untuk terlibat sama dalam kegiatan ekonomi yang diperkenalkan oleh British ini kerana lebih cenderung berkerja sebagai petani dan nelayan. Kedua-dua bidang pekerjaan ini bersifat tradisional yang tidak menyumbang secara signifikan kepada kemakmuran ekonomi British. Ini juga merupakan salah satu polisi British untuk memastikan orang Melayu kekal dalam cara hidup tradisional mereka.

Kemajmukan masyarakat di Tanah Melayu sesuai digambarkan dengan penerangan yang diberikan oleh J.S Furnival iaitu, masyarakat di mana wujudnya pelbagai kelompok ras dan etnik masyarakat campuran yang berbilang bangsa, hidup berdekatan tetapi terpisah dalam satu unit politik yang sama, bercampur tetapi tidak bersatu dan mempunyai pengkhususan tugas. Melalui pengenalan kegiatan ekonomi oleh British, masyarakat di Tanah Melayu dikenali dengan bidang pekerjaan masing-masing iaitu etnik Melayu sebagai petani dan nelayan, etnik Cina sebagai pelombong bijih timah dan etnik India sebagai pekerja di ladang getah. Faktor pekerjaan ini pula menyebabkan semua masyarakat terasing kerana tinggal di kawasan yang berlainan (bandar / kampung / ladang) sekaligus menyukarkan untuk berkomunikasi dan menghalang persefahaman.

Keadaan terpisah di antara ketiga-tiga etnik ini diburukkan lagi dengan kemasukan Jepun ke Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua. Jepun berjaya menarik sokongan orang Melayu melalui slogannya *Asia for Asian* tetapi dalam masa yang sama meneruskan permusuhan dengan masyarakat Cina di Tanah Melayu. Terdapat layanan berbeza dan berat sebelah oleh penjajah Jepun terhadap orang Melayu dan Cina di mana orang Melayu dilihat lebih menyokong mereka sehingga digelar sebagai tali barut Jepun atau berkerja sebagai *Jookidam*. Perbezaan layanan ini menyebabkan orang Cina mempunyai perasaan curiga terhadap orang Melayu sekaligus mencipta perasaan *distant and distrust*.

Suasana yang melatari Tanah Melayu baik semasa penjajahan British mahupun semasa penguasaan Jepun, telah menyebabkan etnik Cina dan Melayu terpisah, curiga, dan sukar berkerjasama. Masyarakat umumnya mempunyai prasangka, stereotaip dan mula menjauhkan diri antara satu dengan yang lainnya. Perkara ini dilihat sinonim dengan mana-mana negara yang pernah dijajah dan menyaksikan kemasukan kaum atau pekerja asing bagi menyokong pembangunan ekonomi penjajah.

Kajian Literatur

Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua

Kembalinya British ke Tanah Melayu menandakan penerusan penjajahan British. Selanjutnya, Malayan Union diperkenalkan pada 1 April 1946 yang dilihat oleh orang Melayu sebagai balas dendam British di atas sokongan mereka terhadap Jepun. Orang Melayu menentang Malayan Union apabila melihat

dasar ini hanya menguntungkan etnik bukan Melayu manakala kedudukan orang Melayu sebagai penduduk asal rantau telah diketepikan. Pelbagai cabaran dilalui oleh pemerintah kolonial dari aspek ekonomi, sosial dan politik yang akhirnya memaksa mereka membubarkan cadangan Malayan Union pada 31 Januari 1948 (Shamsul Amri, 2012).

Keadaan huru-hara di Tanah Melayu disebabkan oleh kegiatan Bintang Tiga telah menyebabkan satu pengisytiharan Darurat dikeluarkan oleh pemerintah Kolonial British pada 23 Julai 1948 (Shamsul Amri, 2012). Bintang Tiga atau pergerakan Komunis seringkali dikaitkan dengan etnik Cina. Umum mengetahui bahawa masyarakat Cina mendapat layanan buruk semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu yang juga menyaksikan masyarakat Melayu menyokong slogan *Asia for Asian* yang dibawa oleh Jepun (Nazaruddin Mohd.Jali, 2006). Selepas Jepun menyerah kalah di dalam Perang Dunia Kedua, Bintang Tiga keluar dari persembunyian dan selama 14 hari (Nazaruddin Mohd. Jali, 2006) telah memburu dan menghukum orang Melayu yang dianggap sebagai tali barut Jepun.

Pakatan AMCJA-PUTERA

Menjelang tahun 1940-an dan penjajahan Jepun, Tanah Melayu telah menyaksikan kemunculan dua komuniti yang berpengaruh dan mempunyai institusi tersendiri (Abdillah Noh, 2013). Pada penghujung Perang Dunia Kedua, kedua-dua komuniti ini iaitu Melayu dan Cina, masing-masing bersaing untuk menguasai politik dan sumber ekonomi. Di dalam persaingan ini, dapat dilihat bahawa orang Melayu lebih dominan di dalam politik berbanding orang Cina yang dominan di dalam bidang ekonomi (Wan Hashim Wan Teh, 2011). Dalam tahun kebelakangan ini, British telah melonggarkan polisi mereka yang tidak membenarkan penubuhan sebarang persatuan atau perhimpunan yang bermotifkan politik. Polisi ini pada akhirnya merintis kepada beberapa kerjasama politik antara etnik Melayu dan Cina seperti AMCJA-PUTERA dan UMNO-MCA.

Tujuan utama *All Malayan Council of Joint Action* (AMCJA) adalah untuk menolak cadangan Perjanjian Persekutuan dengan alasan bahawa ianya tidak memberikan peluang yang sama rata kepada bukan Melayu. Untuk merealisasikan cita-cita, AMCJA cuba untuk meraih sokongan orang Melayu terutama sekali melalui pertubuhan golongan kiri (Abdillah Noh, 2013). Pertubuhan ini dinaungi oleh Parti Kebangsaan Malaya dan kemudiannya dikenali sebagai Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) (Abdillah Noh, 2013). Gabungan kedua-dua pertubuhan ini dikenali sebagai AMCJA-PUTERA. Pada awal kerjasama, AMCJA dan PUTERA dilihat mempunyai kesepakatan yang baik agar tuntutan mereka boleh disuarakan dengan jelas dan efektif.

Adalah sesuatu yang menarik untuk dilihat bahawa gabungan ini sebulat suara untuk menolak Perjanjian Persekutuan yang dicadangkan oleh British dan dalam masa yang sama, dapat duduk semeja untuk menyediakan Perlembagaan Rakyat, sebagai alternatif kepada perlembagaan yang diperkenalkan oleh pemerintah kolonial. Antara isi Perlembagaan Rakyat yang dilihat memerlukan persetujuan dan persefahaman jitu etnik-etnik yang menganggotai gabungan (Abdillah Noh, 2013) ini ialah:

- i. Kerajaan British akan menamatkan pentadbiran kolonial dan menyerahkan hak memilih kepada rakyat dalam menentukan wakil bagi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen pada peringkat Persekutuan. Kedua-dua entiti ini akan memilih seorang perdana menteri dan jemaah menteri.
- ii. Raja British akan menjadi Raja Berperlembagaan bagi Negeri-negeri Selat dan sultan-sultan Melayu lain pula adalah Raja Berperlembagaan di negeri masing-masing.
- iii. Bahasa Melayu akan menjadi Bahasa kebangsaan.
- iv. Kewarganegaraan “Melayu” kepada semua bangsa.
- v. Majlis Perhubungan Kaum ditubuhkan untuk memantau sebarang diskriminasi etnik.

Kandungan Perlembagaan Rakyat dilihat mempunyai elemen-elemen persefahaman yang baik, sebagai langkah untuk mencari titik pertemuan bagi etnik-etnik yang berbeza di dalam perkara-perkara yang boleh disepakati bersama. Sebagai contoh, wakil orang bukan Melayu di dalam gabungan AMCJA-PUTERA ini bersetuju dengan cadangan untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan dan dikenali sebagai warganegara “Melayu”. Sebagai balasannya, wakil Melayu bersetuju dengan

cadangan untuk menyerahkan sebahagian keistimewaan yang telah mereka pertahankan sejak sekian lama termasuklah kedudukan istimewa raja-raja Melayu. Persetujuan yang direkodkan di dalam Perlembagaan Rakyat ini menunjukkan satu langkah yang radikal dalam mencapai kompromi (Abdillah Noh, 2013).

Malangnya, usaha AMCJA-PUTERA ini tidak mendapat sokongan British yang merasakan bahawa tuntutan mereka sebagai terlalu idealistik dan tidak praktikal dengan keadaan semasa di Tanah Melayu. Gabungan ini sendiri mula goyah menjelang penghujung 1947 apabila kedua-dua pihak enggan untuk bertolak ansur di dalam sikap ideologi ekstrim mereka demi untuk mencapai persetujuan. Kegagalan gabungan ini juga menunjukkan bahawa terdapat cabaran yang besar untuk mencipta persefahaman dan kerjasama terutama sekali melibatkan etnik-etnik yang berbeza latar belakang dan tumpuan.

Penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Kaum atau Communities Liaison Committee

Dalam keadaan yang tidak menentu di Tanah Melayu, pemerintah kolonial British telah menubuhkan satu badan perunding pada tahun 1949 yang dilihat sebagai usaha mengembalikan kesepaduan sosial di kalangan tiga kelompok etnik di Malaya iaitu Melayu, Cina dan India. Badan ini dikenali dengan nama *Communities Liaison Committee* atau Jawatankuasa Perhubungan Kaum dan dipertanggungjawabkan kepada Malcom MacDonald, Pesuruhjaya Tinggi British di Asia Tenggara. Usaha ini juga bertujuan mencari jalan penyelesaian dan memupuk persefahaman antara etnik agar komunis tidak mempunyai alasan dan peluang untuk mempengaruhi mereka. CLC kemudiannya dinaik taraf sebagai alternatif kepada dakwah komunis sekaligus menjadi titik permulaan kepada penubuhan kerajaan berpemerintahan sendiri (Mohd. Rizal Yaakop & Shamrahyu A.Aziz, 2014). CLC juga dilihat sebagai pengganti kepada beberapa pakatan etnik yang gagal sebelum ini. Boleh dikatakan bahawa CLC telah meletakkan asas kepada pergerakan parti PERIKATAN yang berjaya menyatukan ahli daripada UMNO dan MCA. Keanggotaan CLC terdiri daripada lima orang wakil Melayu, empat orang wakil Cina, tiga orang wakil India/ Serani/ Ceylon, seorang wakil Eropah dan seorang penasihat daripada kerajaan British yang juga merupakan pegawai perantara CLC (Ho Hui Ling, 2010).

Pada mulanya, CLC merupakan satu kumpulan perbincangan yang melibatkan Dato Onn Jaafar selaku presiden UMNO bersama-sama dengan dua puluh anggota yang lain yang merupakan ahli di dalam Majlis Persekutuan. Antara pengasas kepada CLC termasuklah Tan Cheng Lock dan HS Lee yang juga merupakan ahli MCA. Perjumpaan CLC yang pertama berlangsung pada bulan Disember 1948 di kediaman Dato' Onn Jaafar (Abdillah Noh, 2013).

Terdapat beberapa perkara yang telah dibincang dan dipersetujui oleh CLC terutama sekali melibatkan kepentingan etnik-etnik yang berbeza di Tanah Melayu pada masa tersebut. Isu kewarganegaraan orang bukan Melayu merupakan isu yang menerima penolakan orang Melayu apabila ianya diperkenalkan semasa penubuhan Malayan Union dengan alasan bahawa orang bukan Melayu tidak mempunyai kesetiaan kepada Tanah Melayu meskipun lahir di sini. Menggunakan platform CLC, Malcom MacDonald cuba meyakinkan pemimpin-pemimpin UMNO bahawa kegagalan memberikan kewarganegaraan liberal kepada orang bukan Melayu akan menyebabkan etnik Cina mengambil langkah ekstrim dengan menyertai komunis atau menyokong haluan kiri (Mohd.Rizal Yaakop & Shamrahyu A.Aziz, 2014). CLC bersetuju tentang pemberian kewarganegaraan berdasarkan konsep *jus soli* kepada bukan Melayu dengan syarat mereka perlu menumpukan taat setia kepada Tanah Melayu dan menganggap negara ini sebagai tempat tinggal tetap (Ho Hui Ling, 2010). Sebagai balasannya, CLC juga bersetuju bahawa kedudukan dan layanan istimewa kepada orang Melayu yang terkandung di dalam Perjanjian Persekutuan tidak akan dipersoalkan atau dicabar lagi (Abdillah Noh, 2013).

Pemimpin UMNO di dalam CLC mendesak agar kedudukan orang Melayu di dalam ekonomi dipertingkatkan melalui pemberian beberapa keistimewaan. CLC bersetuju bahawa perlunya kerjasama antara orang Melayu dan bukan Melayu (Ho Hui Ling, 2010) di dalam hal ini, yang akhirnya merintis kepada penubuhan *Rural and Industrial Development Authority* (RIDA), peruntukan kerajaan melalui pemberian subsidi kepada perusahaan milik orang Melayu dan membuka peluang kepada orang

Melayu untuk menyertai industri (Abdillah Noh, 2013). Terdapat juga tuntutan orang Melayu yang dibincangkan oleh CLC seperti menyediakan peluang pekerjaan di sektor awam, peluang pendidikan yang luas dan pemberian kuota kepada orang Melayu dan bukan Melayu untuk menubuhkan perniagaan.

CLC merupakan pertubuhan separa politik (Ho Hui Ling, 2010) yang menyediakan platform bagi pemimpin-pemimpin etnik di Tanah Melayu untuk duduk semeja, berunding tentang isu-isu yang mendesak, serta mencari penyelesaian politik yang realistik (Abdillah Noh, 2013). Selain itu, ia juga berfungsi menyemak keputusan yang dibuat untuk kepentingan semua etnik dan sebarang usul akan dipanjangkan oleh kerajaan British kepada jawatankuasa ini untuk dibincangkan (Mohd. Rizal Yaakob & Shamrahayu A. Aziz, 2014). *Modus operandi* CLC menekankan perbincangan dan tolak ansur pada peringkat elit (pemimpin etnik) tanpa campur tangan umum dalam mencari penyelesaian politik yang sesuai (Abdillah Noh, 2013). Dengan pendekatan ini, CLC mengelak untuk mendapatkan reaksi umum yang dilihat boleh membantutkan usaha penyelesaian politik. Pendekatan ini penting memandangkan perbincangan CLC berkenaan dengan kedudukan istimewa orang Melayu dan kewarganegaraan bukan Melayu dilakukan di dalam suasana Tanah Melayu yang tidak menentu terutama sekali perasaan *distant and distrust* antara dua etnik utama iaitu Melayu dan Cina. Adalah sangat jelas bahawa CLC sebenarnya adalah perintis kepada kerjasama elit yang mewakili setiap etnik, yang mencari penyelesaian dan pendekatan politik dalam menangani konflik etnik, serta mengasaskan perkongsian kuasa yang juga menggambarkan satu tolak ansur dan persefahaman yang baik.

Kesukaran untuk mencari persefahaman dan kerjasama antara etnik

Fokus hubungan etnik di Malaysia lebih banyak berkisar tentang ketiga-tiga etnik utama iaitu Melayu, India dan Cina. Menurut Shamsul Amri (2017), pemecahan etnik di Tanah Melayu kepada tiga yang utama ini adalah satu usaha yang diperkenalkan oleh British, bertujuan untuk memudahkan mereka mentadbir masyarakat. Masalah hubungan etnik di Malaysia dan Tanah Melayu sebelum itu, dilihat lebih cenderung membabitkan antara etnik Cina dan Melayu. Ini dapat diperhatikan menerusi beberapa isu yang menimbulkan kerenggangan antara kedua-dua etnik ini seperti pengenalan Malayan Union yang mendapat sokongan orang Cina dan India, kegiatan komunisme yang cenderung kepada orang Cina serta rusuhan pada 13 Mei 1969.

Communities Liaison Committee atau Jawatankuasa Perhubungan Kaum merupakan satu pertubuhan separa politik yang diasaskan pada tahun 1949. CLC mengasaskan perkongsian kuasa antara ketiga-tiga etnik utama di Tanah Melayu. Jawatankuasa ini mendapat sokongan daripada British di mana Malcom MacDonald iaitu Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara, bertindak sebagai penasihat (Ho Hui Ling, 2010). Tujuan penubuhannya ialah untuk mewujudkan kesefahaman dan kerjasama yang lebih baik antara etnik-etnik yang berbeza di Tanah Melayu. CLC membuktikan bahawa setiap etnik boleh memberikan kerjasama yang baik sekiranya terdapat isu-isu yang mendesak dan memerlukan penyelesaian serta sokongan semua pihak. Ianya juga memberi gambaran bahawa perkongsian kuasa hanya boleh berjaya dengan sokongan semua etnik dan golongan pemerintah. Formula yang diperkenalkan oleh CLC ini masih kekal sehingga sekarang dan dapat dilihat melalui gabungan parti politik, baik di dalam komponen Barisan Nasional mahupun pakatan pembangkang.

Sebelum wujudnya CLC, terdapat persefahaman antara etnik yang diusahakan melalui gabungan All Malayan Council of Joint Action (AMCJA) dan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA). Gabungan AMCJA-PUTERA ini menolak draf Perjanjian Persekutuan kerana AMCJA terutamanya, melihat perjanjian tersebut (yang diperkenalkan selepas pembubaran Malayan Union) sebagai tidak menguntungkan orang bukan Melayu (Abdillah Noh, 2013). Perlembagaan Rakyat yang digubal dan dipersetujui oleh gabungan ini membuktikan bahawa pemimpin etnik Cina dan Melayu boleh bertolak ansur di dalam hal yang menguntungkan kedua-dua pihak. Antara yang menarik untuk dilihat di dalam Perlembagaan Rakyat ini ialah Bahasa Melayu akan menjadi Bahasa kebangsaan, setiap warganegara akan dikenali sebagai "Melayu", dan penubuhan jawatankuasa antara kaum untuk menghalang sebarang diskriminasi kaum. Malangnya, pentadbiran British melihat tuntutan AMCJA-PUTERA ini sebagai tidak praktikal dan terlalu idealistik. British juga tidak menyokong gabungan AMCJA-PUTERA ini walaupun ianya

merentas batas etnik. Kerjasama AMCJA-PUTERA mula bermasalah pada tahun 1947 disebabkan oleh pergolakan dalaman dan keengganan pihak-pihak tertentu untuk melonggarkan pendirian masing-masing (Abdillah Noh, 2013).

CLC menjadi perintis kepada beberapa kerjasama politik lain. Antaranya ialah pakatan kerjasama antara UMNO dan MCA untuk memenangi Pilihanraya pada tahun 1955, tolak ansur etnik yang dapat dilihat semasa penyediaan draf Perlembagaan Persekutuan, dan kewujudan PERIKATAN yang dianggotai oleh UMNO sebagai wakil orang Melayu, MCA sebagai wakil orang Cina, dan MIC sebagai wakil orang India. Kerjasama di dalam PERIKATAN ini diteruskan lagi oleh Barisan Nasional selepas ianya dibubarkan berikutan rusuhan etnik pada 13 Mei 1969.

Peranan dan pengaruh CLC yang belum dikaji secara mendalam

CLC berjaya mencari penyelesaian di dalam beberapa perkara yang menjadi duri dalam daging semasa era konflik (1945-1960) (Shamsul Amri, 2012) seperti kewarganegaraan orang bukan Melayu serta kedudukan istimewa orang Melayu di dalam bidang politik dan ekonomi. Melalui persetujuan untuk memberikan kewarganegaraan bagi etnik bukan Melayu, CLC bersetuju bahawa kedudukan istimewa etnik Melayu sebagai penduduk asal rantau tidak akan dipersoalkan. Dalam hal berkaitan kedudukan ekonomi orang Melayu, CLC telah merintis penubuhan *Rural and Industrial Development Authority* (RIDA), campurtangan kerajaan dalam pemberian subsidi kepada perniagaan milik orang Melayu, serta penglibatan mereka di dalam beberapa industri (Abdillah Noh, 2013).

Peranan dan pengaruh CLC sebagai aktor hubungan antara etnik dalam konteks sejarah diakui tetapi masih belum dikaji sepenuhnya (Shamsul Amri, 2012). Shamsul Amri (2012) menyatakan bahawa peranan dan pengaruh CLC perlu dikaji kerana ianya menjadi perintis kepada kerjasama etnik yang masih berterusan sehingga sekarang, dalam masa yang sama membuktikan pentingnya peranan pemerintah dalam memastikan kejayaan perhubungan etnik lebih-lebih dalam keadaan yang mencabar. CLC diasaskan ketika orang Melayu menolak Malayan Union, pengaruh komunisme yang sinonim dengan orang Cina dan kegiatan pembanterasannya, perisytiharan darurat yang berlangsung dari 1948 sehingga 1960, sehinggalah tolak ansur etnik yang merintis kepada kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Masalah-masalah hubungan etnik ini masih lagi wujud dalam keadaan semasa seperti polarisasi etnik dalam pendidikan, isu kewujudan sekolah vernakular yang dilihat tidak membantu mencipta perpaduan atau kesepaduan, isu antara etnik yang cenderung menjadi konflik antara agama dan sebaliknya, perasaan curiga antara orang Melayu dan bukan Melayu terutama setiap kali kempen pilihanraya berlangsung, ketiadaan dialog atau tiada wakil setiap etnik untuk berdialog sekiranya timbul konflik membabitkan etnik atau penganut agama berlainan, contohnya tuntutan HINDRAF, pendidikan vernakular, kritikan terhadap subjek TITAS yang dilihat melebihi tamadun Islam dan Melayu serta pelbagai lagi isu yang dipolitikkan. Justeru adalah penting untuk dikaji bagaimana atau kaedah CLC dalam mencari penyelesaian dalam pertikaian etnik kerana ianya masih relevan untuk diaplikasi di dalam keadaan semasa.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan awal, pengkaji dapat merumuskan bahawa tolak ansur antara etnik terutama di dalam isu yang sentiasa menjadi pertikaian adalah sangat penting, sepertimana yang telah ditunjukkan oleh *Communities Liaison Committee*. Mengambil kira latarbelakang masyarakat majmuk di Malaysia dan Tanah Melayu sebelum ini, adalah penting untuk mencari jalan penyelesaian permasalahan yang melibatkan semua etnik menggunakan kaedah dialog etnik memandangkan kaedah penyelesaian lain (seperti mediasi mahkamah) akan hanya menyebabkan pihak lain berkecil hati.

Dalam suasana kemajmukan di Tanah Melayu dan Malaysia, setiap etnik dilihat diwakili oleh golongan elit di dalam politik. Ini kerana, golongan elit mempunyai pengaruh yang baik bagi setiap etnik yang diwakilinya, justeru adalah lebih mudah sekiranya konflik diselesaikan melalui rundingan setiap wakil etnik. CLC dianggotai oleh golongan elit yang mewakili etnik Melayu, Cina dan India di Tanah

Melayu. CLC dilihat berjaya mencapai kata sepakat bagi isu yang menjadi pertikaian seperti kedudukan istimewa orang Melayu, kewarganegaraan orang bukan Melayu serta corak sistem pendidikan. Selain itu, strategi yang baik juga memainkan peranan dalam mencari kesepakatan atau semasa dialog etnik berlangsung. Ini dapat diperhatikan melalui *modus operandi* CLC iaitu perbincangan dan dialog dilakukan pada peringkat pemimpin etnik sahaja tanpa campur tangan umum yang dikhuatiri akan membantutkan usaha rundingan.

Selain itu, wujud kerjasama atau pakatan politik yang baik di Tanah Melayu dan Malaysia walaupun wujud konflik antara etnik yang sangat mencabar. Sebelum wujudnya CLC, usaha ini turut dimulakan oleh gabungan AMCJA-PUTERA. Persetujuan yang mereka capai di dalam Perlembagaan Rakyat menunjukkan telah wujud elemen tolak ansur dan penerimaan walaupun ketika itu sentimen antara etnik Melayu dan Cina masih lagi berleluasa. Usaha ini diteruskan oleh CLC yang akhirnya mengasaskan perkongsian kuasa antara tiga etnik utama di Tanah Melayu.

Pengkaji turut melihat peranan kerajaan dalam memastikan kejayaan setiap pakatan atau kerjasama etnik. Kerajaan British telah merintis penubuhan *Communities Liaison Committee* sebagai satu jawatankuasa yang akan menyalurkan hasrat atau polisi kerajaan kepada rakyat dan sebaliknya. CLC juga adalah satu dasar yang membuka peluang kepada British untuk mengekang masalah etnik dan pengaruh komunis di Tanah Melayu. Selain itu, dialog etnik juga perlu digerakkan dengan lebih serius lagi memandangkan ianya merupakan satu platform yang berkesan dalam mencari kesepakatan dan persefahaman antara etnik.

Didapati bahawa belum ada satu kajian menyeluruh terhadap peranan *Communities Liaison Committee* dalam membangun kesepaduan sosial di Tanah Melayu. Kajian-kajian lepas hanya berkisar mengenai tarikh penubuhan CLC, matlamat, keanggotaan, serta beberapa perkara yang dibincangkan. Peranan CLC perlu dikaji dengan lebih mendalam kerana ianya telah berjaya mencari kejernihan dalam kekeruhan hubungan etnik di Tanah Melayu serta menjadi asas kepada perkongsian kuasa antara etnik yang berbeza di Tanah Melayu dan juga Malaysia.

Selain itu, peranan CLC sebagai orang tengah bagi mencari penyelesaian terhadap isu-isu hangat yang melibatkan tiga etnik utama di Tanah Melayu iaitu Melayu, Cina dan India juga adalah penting untuk dilihat. Ini kerana, dengan melihat peranan CLC, turut dapat dikenalpasti ialah isu-isu yang menjadi pertikaian masyarakat pelbagai etnik di Tanah Melayu khususnya yang melibatkan tiga etnik utama tersebut, dalam rangka asas menuju ke arah berkerajaan sendiri. Lebih lanjut lagi, pengkaji melihat bahawa satu platform atau mekanisme dialog seperti yang digunakan oleh CLC boleh dibangunkan bagi menangani isu-isu berkaitan hubungan etnik di Malaysia.

Rujukan

- Abdillah Noh. (2013). *Malaysia and the Consotional Option: Is There a Path Dependent Logic?* (Working Paper No: 2013/01). Kuala Lumpur: Tun Abdul Razak School of Government, UTAR.
- Ho Hui Ling. (2010). *Pembangunan Politik dan Hubungan Etnik: Ke Arah 1Malaysia*, Dalam Zaid Ahmad (penyt), *Buku Teks Hubungan Etnik di Malaysia*. Selangor: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Ho Hui Ling. (2014). *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd.Rizal Yaakop & Shamrahayu A.Aziz. (2014). *Kontrak Sosial Perlembagaan Persekutuan 1957: Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Nazaruddin Mohd.Jali et.al. (2006). *Malaysian Studies: Nationhood & Citizenship*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn.Bhd.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik (Edisi Kedua)*. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Shamsul Amri Baharuddin & Anis Yusal Yusoff. (2014). Perpaduan, Kesepaduan, Penyatupaduan: Satu Negara, Satu Kata Akar, Tiga Konsep Keramat. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Wan Hashim Wan Teh. (2011). Hubungan Etnik di Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.